

Info@SUKAN

Buletin Hal Ehwal Pelajar & Alumni Edisi 4

RUMAH PUTIH | **Gabungan HEPA TEMPAT PERTAMA (Kategori staf) Pertandingan Keceriaan Rumah Sukan Terbaik**

Secara kebiasaannya dalam penganjuran kejohanan olahraga tahunan UniMAP, pihak penganjur telah menyediakan beberapa acara sampingan selain dari acara olahraga iaitu kategori Keceriaan Rumah Sukan terbaik, perbarisan terbaik, maskot terbaik dan jumlah kutipan pingat tertinggi turut di pertandingan pada kali ini.

Berkonsepkan tema Aquamarine yang membawa mesej kehidupan didasar laut adalah satu konsep yang diterapkan dalam pasukan rumah Putih untuk mencintai alam laut. Didalam pertandingan ini kontingen rumah putih telah mendapat tempat pertama bagi kategori staf dalam pertandingan keceriaan rumah sukan terbaik. Antara kriteria dan konsep rumah putih dalam penilaian pengadil adalah melalui konsep keceriaan, kebersihan dan juga komitmen pasukan dalam menghiaskan rumah. Hadiah bagi pertandingan keceriaan rumah sukan terbaik adalah berupa hamper makanan dan juga wang tunai RM 450.00. Upacara penyampaian hadiah turut disampaikan oleh Canselor UniMAP, DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan diiringi oleh Naib Canselor UniMAP Y.Bhg Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamaruddin Bin Hussin.

